

Newspaper	Berita Harian
Date	9 December 2015

Muhyiddin, Dr M diminta henti cela pemimpin

814-911212015

Kuala Lumpur: Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad diingatkan supaya menghentikan usaha menjatuhkan pemimpin menggunakan taktik sehingga boleh menjejaskan kestabilan negara.

Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAI-CCI), Tan Sri K Kenneth Eswaran berkata sebagai negarawan, mereka harus 'ber-setuju untuk tidak bersetuju' dengan kepimpinan negara.

Mereka tidak boleh mencela seorang Perdana Menteri yang dipilih secara demokrasi untuk meneruskan dengan visi dan agenda mereka yang tidak berpandangan jauh dan disifatkan sebagai sangat peribadi dan berdendam.

"Jika anda mempuriyai rasa tidak puas hati dan pendapat yang berbeza, terdapat saluran bagi menyuarakannya dan ujian muktamad akan berada di peti imdikata beliau dalam kenyataan, semalam.

BERNAMA